

# Kecekapan pengurusan ekosistem sisa pepejal

Berita Minggu 1/4/12 MS 14.

## Strategi serampang tiga merubah wajah Kuala Lumpur

Oleh Haryani Ngah

aryani@bharian.com.my

**M**ENAIK taraf sistem pengangkutan awam, pemuliharaan alam sekitar serta merubah wajah ibu kota Kuala Lumpur adalah antara agenda yang ditekankan di bawah Pelaksanaan Greater Kuala Lumpur (Greater KL)/Lembah Klang (GKL/KV) sebagai satu daripada Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

Di bawah Projek Permulaan (EPP) Greater Kuala Lumpur ini pelbagai inisiatif dilaksanakan bagi memastikan kesejahteraan bandar raya terjamin, termasuk usaha meningkatkan kualiti air sungai utama di Kuala Lumpur, mencantikkan dan membangunkan kawasan persekitaran sungai yang menjadi sumber kehidupan, meningkatkan kehijauan dengan menanam lebih banyak pokok serta membangunkan tempat menarik antara bandar serta kemudahan laluan pejalan kaki.

Selain itu, EPP turut menitik beratkan usaha mempertingkatkan projek pembedahan dan pengurusan sisa pepejal untuk warga kota, di samping meningkatkan peluang pemilihan rumah seperti yang dinikmati penjawat awam di Putrajaya.

Dalam melaksanakan inisiatif ini, sebanyak RM190 bilion diperuntukkan untuk tempoh 10 tahun akan datang, di samping mewujudkan peluang pekerjaan.

Dalam usaha memajukan bandar

raya ini, pengurusan sumber pepejal secara cekap menjadi fokus utama. Bagi mencapainya kerajaan memberi tumpuan kepada matlamat melaksanakan inisiatif dalam meningkatkan kadar kitar semula, pengurusan kos pelupusan sisa pepejal dan menguruskan penggunaan teknologi untuk merawat sisa pepejal yang dihasilkan.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB), Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin, berkata komponen kesejahteraan bandar itu antara dua komponen yang digariskan KWPKB bagi perancangan 2012, selain pembabitkan secara langsung dalam beberapa agenda perdana negara di bawah projek permulaan (EPP) 'Greater Kuala Lumpur/Klang Valley' (Greater KL/KV).

"Antara tumpuan kami adalah membangunkan pengurusan ekosistem buangan pepejal yang cekap. Kami juga meningkatkan kadar kitar semula, menguruskan kos pelupusan sisa pepejal dan mengaturnya penggunaan teknologi untuk merawat sisa pepejal dihasilkan.

"Pelaksanaan inisiatif 3R dilakukan melalui strategi serampang tiga. Ini termasuk menangani kategori utama sisa seperti isi rumah, makanan dan sisa pembinaan dan perobohan. Inisiatif juga sedang dilaksanakan untuk menangani isu pelupusan di tapak pelupusan sanitari.

"Bagi pelaksanaan itu, empat inisiatif utama yang diberi tumpuan adalah meningkatkan program 3R (mengurangkan, mengguna dan mengi-

tar) barangan yang digunakan, meningkatkan kapasiti rawatan sisa untuk mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dilupuskan di tapak pelupusan, meningkatkan kapasiti rawatan sisa untuk mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dilupuskan di tapak pelupusan serta meningkatkan tadbir urus pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pembersihan awam," katanya.

Turut dititik beratkan adalah menilai potensi masa depan untuk memanfaatkan perkembangan baru dalam teknologi seperti sistem pengumpulan sisa automatik dan tong sampah yang lebih besar bagi meningkatkan standard kutipan sisa.

Usaha yang dilaksanakan di bawah EPP ini menunjukkan beberapa kejayaan seperti pelaksanaan inisiatif 3R yang berjaya ditangani menggunakan serampang tiga mata membabitkan buangan isi rumah, sisa makanan dan sisa pembinaan dan robohan.

Penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang diluluskan pada 1 September 2011 adalah antara kejayaan yang dicapai di bawah EPP dan ia memberikan kesedaran buat masyarakat dalam melaksanakan program 3R menerusi kempen kesedaran yang dijalankan sepanjang 2011.

Kajian juga dilaksanakan ke atas sisa buangan makanan yang dilaksanakan Jabatan Pengurusan Sisa Makanan sejak November 2011 dengan objektif utama untuk melihat sumber komersial sisa makanan



**PENYEDIAAN** tong sampah memastikan pengasingan dilakukan secara 100 peratus ke atas bahan buangan rumah.

(kedai makan, kilang, restoran), mengenal pasti jumlah sisa yang dihasilkan dan sistem pelupusan sisa.

Kajian ini akan mencadangkan pendekatan yang sesuai untuk rawatan sisa makanan seperti kemudahan biogas. Pendekatan seperti ini diperlukan untuk menguruskan sisa makanan yang mencakupi 45 peratus daripada bahan buangan di tapak pelupusan.

Perbincangan juga diadakan dengan pelbagai badan, termasuk Kontraktor Sisa Pepejal (SOWACO), Persatuan Pengurusan Sisa Malaysia (WMAM) dan industri pembinaan, pihak berkepentingan di atas pendekatan yang sesuai untuk ra-

watan sisa pembinaan.

Penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) akan dilaksanakan sepenuhnya sehingga penghujung 2012 dengan memberi tumpuan kepada peningkatan kitar semula di kalangan isi rumah dan beberapa pendekatan lain seperti di pusat perniagaan dan pejabat.

Untuk mengatasi masalah sisa pembuangan pepejal ini, Pengurusan Sisa Pepejal menasarkannya pada 2012 untuk memastikan pengasingan dilakukan secara 100 peratus ke atas bahan buangan rumah di seluruh Kuala Lumpur dengan penyediaan tong sampah di rumah kawasan perumahan bertanah.